

11/09/2003

Pemimpin musang tidak layak memerintah Kelantan

Nik Yahya Abdul Rahman

SEBAGAI rakyat Kelantan sukar untuk kita menafikan jasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke atas negeri tumpah darah yang permai ini, baik sebelum dan selepas beliau memegang jawatan Perdana Menteri. Jasa paling besar dan bererti ialah apabila Dr Mahathir sanggup menjadi Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan hampir 10 tahun (1987 hingga 1997) selepas peristiwa hitam pengharaman Umno pada 1987.

Beliau bukan saja bertanggungjawab ke atas kemantapan parti, tetapi memastikan pembangunan Kelantan berada dalam arus perdana seperti negeri lain. Kita tidak menafikan Kelantan adalah negeri yang agak tertinggal di belakang selepas Sabah.

Biarpun peristiwa membawa Umno ke mahkamah dilakukan rakyat Kelantan Dr Mahathir sanggup memimpin Kelantan menghadapi parti pembangkang ketika itu iaitu Semangat 46 dan Pas di bawah Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Keputusan pilihan raya ketika itu seperti yang dijangkakan, Barisan Nasional (BN) kalah besar. Ini diikuti pula pilihan raya umum 1995, BN masih lemas dibawa arus gelombang pembangkang yang masih kuat.

Kalaupun Ahli Parlimen BN Jeli dan Peringat iaitu Datuk Mustapa Mohamed (Tok Pa) dan Datuk Annuar Musa terpilih, ia tidak cukup kuat untuk menentang pembangkang yang tetap segar.

Begitu juga dengan pilihan raya umum 1999, BN tetap tertiarap, biarpun keinsafan Ku Li (kembali kepada Umno pada 1997) membantu menaikkan semangat rakyat Kelantan kepada Umno. Namun, telah ditakdirkan peristiwa pemecatan mantan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berlaku pada 1998. BN kalah teruk lagi. BN hanya mampu pertahan satu kerusi Parlimen Gua Musang (Ku Li) dan dua Dewan Undangan Negeri (Limau Kasturi dan Galas) iaitu Saupi Deraman dan Norzula.

Seperti kata Tok Pa: "Kekalahan BN kepada pembangkang bukan kerana kekuatan yang dimiliki Pas di negeri Cik Siti Wan Kembang, tetapi perpecahan dalam Umno - wujudnya parti serpihan Semangat 46 dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

Kekalahan BN pada 1999 memberi tamparan kepada Ku Li. Beliau mengambil alih pucuk kepimpinan Umno Kelantan pada 1999. Empat bulan berada di kerusi berkenaan beliau tidak mampu melakukan sesuatu yang luar biasa. Pada tahun sama Tok Pa pula dipilih Dr Mahathir untuk memimpin BN Kelantan bersama-sama Annuar.

Pun begitu, tidak lama Tok Pa bersama Annuar kerana Ketua Umno Bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim pula dipilih Dr Mahathir untuk bersama-sama Tok Pa mengnakhodai Umno Kelantan. Itu perkara biasa, dalam dunia ini tidak ada yang kekal. Apa lagi dalam politik, macam-macam boleh berlaku. Pertukaran pucuk kepimpinan dilakukan demi memperkasakan Umno negeri itu.

Setelah memimpin Umno dan BN Kelantan, Tok Pa juga selalu berkata, Pas menang nak mujur - bukan kuat sangat tapi puak kita balah.

Inilah hakikat sebenar. Inilah juga yang sedang dibaiki, diubah, diperkemas, disusun, distategikan dan dimantapkan Tok Pa di kalangan ahli Umno demi untuk BN memenangi pilihan raya umum yang akan datang.

Baru-baru ini seperti dilaporkan bahawa Tok Pa berjanji mengemukakan satu strategi komprehensif bagi BN menawan kembali Kelantan. Strategi khas itu disusun mengikut cita rasa rakyat Kelantan akan dilancarkan sedikit masa lagi.

Mungkin strategi berkenaan adalah tempias kepada strategi Gelombang Biru bagi BN Terengganu untuk menawan negeri itu daripada Pas yang dilancarkan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada April lalu di Besut, Terengganu.

Sebagai perantau di ibu kota, jiwa raganya tetap di Kelantan. Setidak-

tidaknya, dua kali sebulan akan pulang ke kampung halaman. Sudah tentu cerita hangat parti, bisik-bisik berbisa dan kejadian segar dapat dilihat, didengar atau diikuti sendiri. Lebih membanggakan, rakyat Kelantan telah kembali ke pangkuan Umno.

Dua minggu lalu, saya terserempak dengan kawan lama (kini wakil rakyat Pas). Secara jujur beliau mengaku yang benih Umno telah bercambah macam kacang hijau yang ditabur di tanah gambut selepas musim bah! Cuma yang tidak enak didengar, kawan itu berkata dalam loghat Kelantan: "Tak leh bui ke Umno waimma sa kerusi pun, takut jadi benih - lama-lama koho merebak"!

Bagi mencapai hasrat berkenaan, sudah tentu Pas akan menggunakan pelbagai teknik, taktik dan strategi untuk mereka terus memerintah Kelantan. Maknanya, orang Pas mungkin menggunakan strategi yang seakan sama dengan Umno untuk memenangi hati rakyat Kelantan.

Contohnya, orang Pas sudah pandai cari projek. Mereka telah tahu minta itu dan ini dengan wakil rakyat mereka. Kalau ada ahli Pas yang sakit atau meninggal dunia, tidak cukup dengan sebantal roti, sekilo gula, sejambak rokok daun dan sebungkus kopi, tetapi duit yang jadi ukuran.

Kalau ada kenduri kahwin, acara keagamaan dan keramaian, penyokong Pas juga sudah pandai tanya peruntukan.

Begitu juga dengan belia, mereka sudah ada bola percuma, jaring dan bola takraw parti dan lawatan ke tempat menarik yang ditaja oleh parti (Pas).

Sekali imbas, sikap, taktik dan tawaran yang diberikan Pas kepada penyokongnya sipi-sipi dengan Umno. Itulah manusia, lihat duit, cairlah mereka!

Apapun, pengukuran pembangunan dan kepentingan ummah yang berkekalan bukan dicapai dengan cara itu. Kita tidak boleh sentiasa mengharapkan perkara remeh dan kepentingan individu yang bersifat sementara seperti yang Pas lakukan, tetapi pembangunan negeri itu terus terpinggir.

Begitu juga dengan cara berpakaian, kalau berketayap (kopiah) dan berkain pelikat saja tidak akan menjanjikan kesejahteraan keluarga masing-masing. Kita terpaksa menghadapi dunia realiti dan mengikuti arus globalisasi yang telah mengalir ke seluruh pelosok tanah air.

Segala tuntutan berkenaan adalah fardu kifayah tidak dapat disediakan oleh Pas. Mengapakah begitu? Pertama, Kerajaan Kelantan tidak mempunyai hasil/cukai/pendapatan yang kukuh atau menghadapi masalah peruntukan kewangan yang tidak mencukupi.

Kedua, pemimpin Pas tidak mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam ekonomi; ketiga, pemimpin Pas jarang benar atau tidak berminat untuk mendedahkan tuntutan dunia kepada rakyat dan keempat, kerajaan Pas mementingkan slogan dan ceramah daripada pengisian.

Bagi pemimpin Pas, dengan ceramah yang bertalu-talu dan perhimpunan parti saja telah memadai. Itu Pas, sebuah parti ceramah. Banyak pemimpin Pas yang menjadi 'musang' - siang hari mereka tidur, malamnya berjaga (berceramah)!

Justeru, sebagai rakyat Kelantan cuba kita renungkan dengan apa yang ditawarkan Pas selama mereka memerintah. Jawabnya, tidak ada apa yang membanggakan.

Namun, sebagai pembangkang di negeri itu BN berjaya membangunkan Hospital Kota Bharu (HKB) dan Hospital Kubang Kerian; Jambatan Pasir Mas; bekalan elektrik luar bandar; sekolah berasrama penuh politeknik; jalan kampung; tali air/ saluran yang sistematik yang dilaksanakan KADA; subsidi baja; subsidi diesel; Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Pengkalan Chepa, Pasir Tumbuh dan Jeli, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Machang, Lapangan Terbang Sultan Ismail, Pengkalan Chepa; Pelabuhan Perikanan Tok Bali, Pasir Puteh; Loji Hidro TNB Pergau; naik taraf jalan raya persekutuan dari Machang ke Kota Bharu; pembesaran Pasar Siti Khatijah dan banyak lagi.

Rakyat sedia maklum, kira-kira RM3 bilion peruntukan Kerajaan Persekutuan telah dan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-8 melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK). Kalau rakyat mengharapkan Pas, usahkan hendak membangunkan negeri itu, hendak membayar gaji pekerja pun terpaksa berhutang. Itu belum lagi untuk menyediakan

bekalan air bersih untuk rakyat.

Kata orang, sampai kucing bertanduk rakyat Kelantan akan meminum air warna jingga (selagi Pas memerintah Kelantan).

Sesungguhnya, rakyat Kelantan kini sedar dan tahu menilai di antara emas dan kaca dan tentunya mereka tidak mahu terpijak duri lagi kali ini.

Mereka sudah serik. Sekiranya BN memerintah, nasib 1.2 juta rakyat Kelantan akan terbela. Pembangunan akan lebih menyerlah; prasarana untuk rakyat semakin bercambah; keagamaan akan lebih tersusun; taraf hidup rakyat akan berubah dan rezeki ummah akan terus bertambah.

Apa lagi, kepemimpinan BN yang diterajui Tok Pa, Zaid, Ku Li, Datuk Dr Awang Adek Hussin, Alwi Che Amat dan beberapa orang lagi yang begitu mesra rakyat akan menambat hati rakyat Kelantan untuk bersama-sama BN dalam pilihan raya akan datang.

Kemenangan BN kali ini juga adalah hadiah istimewa rakyat Kelantan di atas jasa dan budi baik Dr Mahathir yang akan bersara bulan depan.

NIK YAHYA ABDUL RAHMAN,
Kuala Lumpur.